

MAHATHIR

1979

ALOR STAR, 24 MEI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELANCARKAN PROJEK PERINTIS TANAMAN PADI BERKELUMPUK DI KAMPUNG ASAM JAWA DI DAERAH PENDANG, 22 BATU DARI SINI.

DI BAWAH PROJEK TERSEBUT, KAWASAN SAWAH SELUAS 175 EKAR YANG DIPUNYAI OLEH 73 ORANG PETANI DI SATUKAN SEBAGAI SEBUAH LADANG DAN DIUSAHAKAN SECARA BERGOTONG-ROYONG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TANAMAN PADI SECARA BERKELUMPUK AKAN MEMBERIKAN HASIL YANG LEBIH TINGGI DARIPADA DIUSAHAKAN SECARA BERSENDIRIAN.

KATANYA CARA BEGINI MEMBOLEHKAN PADI DITANAM SERENTAK DAN DIBUBUH BAJA MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN YANG BETUL. —BERSAMBUNG 2230/BY

££

B680

MAHATHIR 2 ALOR STAR

BELIAU MENAMBAH BAHAWA DI SAMPING ITU PENGGUNAAN JENTERA SEPE-NUHNYA DAPAT DILAKUKAN UNTUK MEMPERCepatKAN KERJA MENANAM PADI.

BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA PEMBAHAGIAN HASIL PADI DILAKUKAN MENGIKUT LUAS KAWASAN SAWAH KEPUNYAAN SESEORANG PESERTA ITU.

MISALNYA, KALAU SESEORANG PESERTA ITU MEMPUNYAI SATU EKAR SAWAH MAKA IA DIBERIKAN 1/175 DARIPADA HASIL BERSIH DAN KALAU IA MEMPUNYAI SEPULUH EKAR MAKA BAHAGIANNYA IALAH 10/175.

DR. MAHATHIR YAKIN SELEPAS SETAHUN DUA BILA KEADAAN TANAH SUDAH ELOK PARA PESERTA PROJEK TERSEBUT AKAN MENDAPAT HASIL YANG LEBIH BANYAK DARIPADA HULU. —BERSAMBUNG 2231/BY

MAHATHIR 3 ALOR STAR

BELIAU MENGSYORKAN SUPAYA PARA PESERTA PROJEK TERSEBUT MENCADANGKAN SEBUAH KOPERASI DAN MELANTIK SEORANG PENGURUS BAGI MENTADIRIKAN TANAMAN PADI SECARA BERKELUMPUK ITU.

BUAT PERMULAAN SEORANG PEGAWAI KERAJAAN LOLEH DIPINJAMKAN UNTUK MENJADI PENGURUS KOPERASI ITU TANPA DITERIKAN SEBARANG BAYARAN KEPADANYA.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN SUPAYA SETIAP PESERTA YANG BEKERJA DI LADANG TERSEBUT DIBAYAR GAJI MENGIKUT BILANGAN HARI MEREKA BEKERJA DAN JUMLAH BAYARAN GAJI ITU SERTA PERBELANJAAN MEMBELI BAJA, UBAT SERANGGA DAN LAIN-LAIN PERBELANJAAN HENDAKLAH DITOLAK DARIPADA PENDAPATAN PENUH PESERTA TERSEBUT.

BELIAU MENYERU PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG SUPAYA MENGGANTIKAN POKOK-POKOK YANG TIDAK MENDATANGKAN HASIL DI KAMPUNG MASING-MASING DENGAN POKOK-POKOK BUAH-BUAHAN UNTUK MEMBERIKAN PENDAPATAN TAMBAHAN KEPADA MEREKA.

KATANYA, KALAU POKOK BUAH-BUAHAN SUDAH DITANAM DENGAN BANYAK LOLEHLAH DIADAKAN PERUSAHAAN MENGETIN BUAH-BUAHAN UNTUK MENJAMIN PASARANNYA. —BERNAMA 2237/BY